



TEKS UCAPAN

YBRS. DR. ABDUL RAHIM BIN HARUN

TIMBALAN KETUA PENGARAH

(PROGRAM PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN TEKNOLOGI)

AGENSI NUKLEAR MALAYSIA

MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN BIL. 5/2021

**TARIKH:
25 MEI 2021 (SELASA)**

**SECARA VIRTUAL
(MENERUSI APLIKASI ZOOM)**

Bismillahirrahmanirrahim

Terima kasih saudara pengerusi majlis.

YANG BERUSAHA TS. DR. SITI A'IASAH BINTI HASHIM
Ketua Pengarah Agensi Nuklear Malaysia

YANG BERUSAHA DR. ROSLI BIN DARMAWAN
Timbalan Ketua Pengarah Program Perkhidmatan Teknikal

YANG BERUSAHA DR. CHANTARA THEVY RATNAM
Pengarah Kanan Program Pengurusan

YANG BERUSAHA EN. MOHD SIDEK BIN OTHMAN
Pengarah Kanan Program Pengkomersilan

YANG BERUSAHA CIK HABIBAH ADNAN
Pengarah
Bahagian Pengurusan Maklumat
Dan juga selaku hos majlis perhimpunan kita pada bulan ini.

Pengarah-pengarah Bahagian, pengurus-pengurus,
Para penyelidik dan warga Nuklear Malaysia yang saya kasihi sekalian,

Assalammualaikum WBT dan Salam Sejahtera,

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat ilahi yang mengizinkan kita untuk bertemu sekali lagi dalam majlis Perhimpunan Bulanan Bil 5/2021 pada pagi ini yang diadakan sepenuhnya secara dalam maya. Walaupun ianya diadakan secara maya, namun tetap mendekatkan warga Nuklear Malaysia.

2. Seperti yang tuan-tuan dan puan-puan sedia maklum, Perhimpunan Bulanan bagi bulan Mei 2021 kali ini dianjurkan bersama oleh Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) dan Pejabat Ketua Pengarah. Saya difahamkan, bersempena dengan sambutan Hari Raya yang telah jatuh pada bulan ni iaitu pada 13 Mei yang lalu, maka tema perhimpunan kita pada pagi ini adalah “Norma baharu di Hari Raya”.

3. Sehubungan dengan itu, masih belum terlewat bagi saya untuk menyampaikan ucapan Selamat Hari Raya kepada semua warga Nuklear Malaysia yang hadir pada pagi ini. Saya ingin turut mengucapkan jutaan terima kasih kepada warga Nuklear Malaysia yang bertugas di pejabat sepanjang tempoh Hari Raya yang lepas. Biarpun Aidilfitri kali ini disambut secara bersederhana dan dalam situasi norma baharu, jiwa dan semangat Aidilfitri tetap perlu disemaikan dalam diri kita.

PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dikasihi sekalian

4. Ini merupakan perhimpunan pagi yang ketiga dilaksanakan secara maya sepenuhnya. Seramai 300 jemputan dalam kalangan warga Nuklear Malaysia telah dijemput melalui perwakilan setiap bahagian. Sebagaimana YBrs. Dr./Tuan/Puan sedia maklum,

bahawa Kerajaan telah mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi seluruh negara berkuatkuasa mulai 10 Mei 2021 sehingga 7 Jun 2021. Bagi memastikan penyampaian perkhidmatan berterusan, pejabat-pejabat Kerajaan telah diarahkan untuk beroperasi dengan kehadiran pegawai 20% bagi kakitangan pengurusan.

5. Kita masih lagi berjuang menangani COVID-19 semenjak setahun yang lepas. Dalam suasana getir ini warga Nuklear Malaysia sendiri tidak lepas dari menerima jangkitan COVID-19 atau perlu melalui kuarantin kerana bersituasi kontak rapat. Walau bagaimanapun, keadaan adalah masih terkawal hasil kerjasama seluruh warga Nuklear Malaysia dengan mengikut arahan dan mematuhi SOP yang telah ditetapkan. Marilah kita bersama-sama mendoakan mereka yang dijangkiti oleh Covid-19 ini agar diberi kekuatan dan kesembuhan segera.

PELAN PELAKSANAAN BEKALAN VAKSIN COVID-19

6. Baru-baru ini kerajaan melalui Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin Covid-19 (JKJAV) telah membuka pendaftaran bagi suntikan vaksin Covid-19 jenis AstraZeneca secara sukarela. Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada mereka yang telah mendaftar dan menerima suntikan vaksin tersebut, kerana anda akan menjadi sebahagian perisai negara dalam usaha memerangi Covid-19 ini. Kementerian Kesihatan Malaysia dan JKJAV telah

berulang kali menyatakan bahawa, manfaat vaksin ini adalah melebihi risiko, malah ia turut disokong oleh Majlis Fatwa Kebangsaan yang meletakkan keharusan bagi penggunaan vaksin sebagai ikhtiar melawan Covid-19.

8. Pelan pelaksanaan vaksin COVID-19 telah pun dimulakan dan sedang berlangsung pada Fasa Kedua. Setakat ini hanya lebih kurang 10 juta penduduk yang telah mendaftar dan ini adalah anggaran 38% dari jumlah penduduk yang berumur lebih 18 tahun. Manakala sasaran untuk mendapatkan *herd immunity* adalah 80% atau 26 juta rakyat. *We still have a long way to go.* Jadi, saya mohon kepada semua untuk mendaftar vaksin dengan kadar yang segera agar program imunisasi ini berjalan dengan lancar dan mencapai sasaran yang telah ditetapkan. Syabas dan tahniah diucapkan kepada warga Nuklear Malaysia yang telah berdaftar untuk menerima vaksin!

MEMPERKASAKAN PRODUKTIVITI

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

9. Walaupun kita berada dalam suasana Covid-19 yang penuh getir, ini tidak bermaksud produktiviti kerja kita boleh diabaikan. Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada BPM yang telah berjaya melaksanakan Minggu Sains Negara bagi tahun 2021 dengan norma baharu, pada bulan lepas. Saya turut dimaklumkan bahawa BPM telah berjaya menganjurkan Sesi Sembang Santai

(3S) yang menumpukan kepada kemudahan, kepakaran dan perkhidmatan yang ada di Nuklear Malaysia, dengan penglibatan daripada pihak sekolah dan orang awam secara maya. Usaha-usaha seperti ini perlu diteruskan lagi di masa hadapan, biarpun kita masih lagi tertakluk kepada cara kerja norma baharu yang memerlukan kita berevolusi dalam gerak kerja secara digital.

10. Saya juga ingin mengingatkan permohonan perolehan bagi sebutharga dan tender bagi tahun 2021 telah tutup dimana tarikh akhir permohonan adalah pada 30 April 2021 yang lepas. Oleh demikian, secara asasnya, tiada lagi proses sebutharga/ tender yang dilaksanakan selepas dari tarikh ini. Tempoh sekarang adalah tempoh di mana semua *user* perlu fokus kepada proses pembekalan/perkhidmatan sahaja agar semua yang telah dirancang dapat dibekalkan/disempurnakan dalam tempoh yang ditetapkan dan pembayaran diselesaikan sebelum berakhir tahun 2021.
11. Dalam kita asyik dengan penyelidikan yang sedang dijalankan, kita perlulah membuka mata kepada trend semasa ini. *We need to be out of our comfort zone.* InsyaAllah, pihak pengurusan akan membincangkan dan mengambil tindakan susulan daripada beberapa *top down* projek yang selaras dengan pelan strategik Nuklear Malaysia. Dalam pada itu, peringkat pengurusan tertinggi juga telah dan sedang dalam proses menjalinkan hubungan dengan rakan-rakan strategik yang boleh menyokong aktiviti Nuklear Malaysia seperti pejabat Ketua-Ketua Menteri, Menteri Besar,

Badan Pemberi Dana, ATM khususnya TLDM/MAB dan MINDEF, Kementerian Kesihatan, Jabatan Pertanian Malaysia, JAKIM, MPOB dan FINAS. Pada dua minggu lepas juga, YBrs. KPNM telah mengadakan sesi perbincangan susulan bersama Pengarah-Pengarah yang terlibat dalam sesi kunjungan hormat yang telah diadakan sejak Januari hingga Mei 2021 agar segala tindakan susulan sewajarnya dilaksanakan hasil daripada perbincangan dan persetujuan antara dua pihak semasa sesi-sesi kunjungan tersebut.

PLATFORM PROMOSI NUKLEAR MALAYSIA DI MEDIA MASSA

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dikasih sekalian

12. Saya mengharapkan semua warga Nuklear Malaysia dapat menggembung tenaga dalam terus mempromosikan Nuklear Malaysia sebagai satu entiti penyelidikan dan perkhidmatan yang berdaya saing, inovatif dan kreatif dalam menggunakan teknologi sedia ada, selaras dengan hasrat kerajaan melalui Dasar Mydigital yang telah dilancarkan. Ruang, peluang serta platform sedia ada perlu dimanipulasikan sebaik mungkin bagi mengoptimumkan produktiviti kita.

13. Pada awal 4 Mei 2021 yang lalu, Nuklear Malaysia telah mengadakan satu perbincangan bersama pihak Perbadanan Kemajuan Filem Nasional atau FINAS bagi menjalinkan hubungan dan peluang kerjasama strategik antara Nuklear Malaysia dan

FINAS dalam usaha untuk mempromosikan dan menghebahkan kempen, program, pengetahuan, kesedaran Nuklear Malaysia menerusi media massa terutamanya media elektronik agar segala sampai dan disalurkan kepada orang awam dengan lebih cepat dan dihayati secara lebih efektif.

14. Terima kasih dan tahniah kepada Unit Komunikasi Korporat di atas usaha-usaha promosi yang telah diketengahkan untuk Nuklear Malaysia menerusi medium komunikasi yang mana nama dan hasil-hasil penyelidikan serta teknologi Nuklear Malaysia kerap mendapat liputan di media massa sejak akhir-akhir ini. Malah, saya juga difahamkan, pada bulan ini sahaja terdapat editor di media cetak dan penerbit program TV telah menghubungi Nuklear Malaysia untuk membuat beberapa liputan dan artikel mengenai Nuklear Malaysia.
15. Semoga usaha ini akan memberikan *Return Of Investment* (ROI) dari segi :
 - a. Memberi kesedaran kepada rakyat tentang kepentingan tenaga nuklear;
 - b. Mempertingkatkan persepsi rakyat tentang tenaga nuklear; dan
 - c. Menggalakkan penggunaan produk, peralatan atau sistem yang berteraskan teknologi nuklear.

PELAN ANTI RASUAH ORGANISASI (OACP) 2021 – 2025 AGENSI NUKLEAR MALAYSIA

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dikasihi sekalian

16. Pihak Pengurusan Tertinggi sangat memandang serius terhadap isu integriti dan tadbir urus agensi. Sejajar dengan itu, satu Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) 2021 – 2025 Agensi Nuklear Malaysia yang merupakan dasar Kerajaan yang diterjemahkan dalam bentuk dokumen untuk memastikan Nuklear Malaysia menjadi sebuah agensi yang setaraf dengan rakan sejawatnya di negara maju khususnya dalam pengurusan integriti dan tadbir urus serta bebas rasuah.
17. Saya berharap agar OACP 2021 – 2025 Agensi Nuklear Malaysia yang meliputi isu-isu dalaman organisasi berkaitan kelemahan integriti dan tadbir urus ini akan menjadi rujukan utama dan bertindak sebagai panduan kepada semua warga Nuklear Malaysia. Semoga usaha murni ini dapat membentuk sahsiah penjawat awam dan masyarakat yang berintegriti, disanjung tinggi seterusnya dihormati di mata dunia. InsyaAllah.

SOLIDARITI TANDA SOKONGAN TERHADAP PERJUANGAN RAKYAT PALESTIN

18. Awal Mei ini dunia telah dikejutkan dengan serangan rejim zionis Israel di Semenanjung Gaza yang telah mengakibatkan beratus

kematian dan kecederaan terhadap rakyat Palestin termasuk kanak-kanak.

19. Ketika ini seluruh dunia sedang memerhatikan apa yang berlaku di Gaza dan kita juga perlu memainkan peranan setidak-tidaknya dengan menunjukkan sokongan padu dan mengukuhkan solidariti dengan cara kita sendiri. Alhamdulillah, dijangkakan keadaan di Palestin akan bertambah baik dengan gencatan senjata yang berkuatkuasa pada Jumaat 21 Mei yang lepas.

PENUTUP

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

20. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya juga ingin mengucapkan Selamat Datang kepada kakitangan yang baharu ke Nuklear Malaysia. Selamat bertugas dan jangan risau, Nuklear disini tidak bahaya.
21. Kepada kakitangan yang telah berpindah, saya merakamkan jutaan terima kasih di atas sumbangan tuan-tuan dan puan-puan selama ini. Selamat maju jaya di tempat baharu dan teruskan kecemerlangan tuan-tuan dan puan-puan. Kepada yang bersara, ucapan terima kasih yang tidak terhingga atas sumbangan tuan-tuan dan puan-puan. Setiap titik peluh tuan-tuan dan puan-puan tidak dapat diletak nilainya. Semoga Allah swt memberikan ganjaran yang terbaik.

22. Diharapkan agar tuan-tuan dan puan-puan sentiasa berada di bawah perlindunganNya. Saya turut berdoa agar mereka yang terlibat dan dijangkiti dengan Covid-19 agar terus diberi kekuatan dan kesembuhan segera.

“Tidaklah seorang Muslim yang ditimpa suatu penyakit dan keletihan, kegusaran dan kesedihan, gangguan dan kesusahan, bahkan duri yang melukainya melainkan ALLAH SWT akan menghapus kesalahan-kesalahannya.”

(*Riwayat al-Bukhari, Muslim, at-Tirmizi dan Ahmad*)

23. Terima kasih diucapkan kepada pengajur majlis pada hari ini iaitu Bahagian Pengurusan Maklumat dan Pejabat Ketua Pengarah, serta warga kerja NM yang terlibat, di atas komitmen yang telah diberikan.

..Lindungi diri .. Lindungi semua..

Sekian, terima kasih. Wabillahitaufik Walhidayah. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.